

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas 8827/3 Kerja Elektrik dan Diesel mengandungi DUA soalan. Kedua-dua soalan diperuntukan masa 1 jam menjadikan masa penuh untuk kertas ini ialah 2 jam. Peruntukan markah ialah 50 markah untuk setiap tugas menjadikan markah penuh untuk kertas ini ialah 100 markah. Kedua-dua soalan pada kertas ini adalah wajib dijawab oleh setiap calon dalam masa yang ditetapkan dan tiada soalan pilihan.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhannya prestasi calon dalam kertas ini juga menunjukkan peningkatan peratus yang lebih baik pada markah tinggi dan sederhana berbanding dengan tahun sebelumnya. Calon dapat menunjukkan kemampuan mereka dalam menguasai kemahiran dalam soalan yang diuji. Penurunan peratus calon yang lemah dan gagal dapat dilihat dalam peperiksaan tahun ini dengan ketara.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini kemahiran amali yang ditunjukkan adalah trampil dan cemerlang serta lencer mengikut peraturan permarkahan. Calon dapat menguasai kemahiran yang diuji dalam kedua-dua tugas pada kertas ini. Majoriti calon dapat menyiapkan tugas dengan baik mengikut masa yang ditetapkan, hasil kerja yang terampil dan dapat berfungsi dengan baik serta menjaga aspek kelancaran kerja, penggunaan alat, keselamatan, kebersihan, siap dan jaya.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini dapat menguasai kemahiran yang diuji mengikut kehendak soalan dan tugas tetapi pada sebahagiannya sahaja daripada peraturan permarkahan yang telah ditetapkan. Terdapat kesalahan yang perlu diberi sedikit bantuan untuk dapat menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan. Sebilangan kecil calon mengabaikan sebahagian daripada aspek kelancaran kerja, penggunaan alat, keselamatan, kebersihan, siap dan jaya.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon dalam kumpulan ini tidak dapat menguasai kemahiran yang diuji sepenuhnya dengan tepat. Ia memerlukan bantuan untuk memahami tugas yang diuji. Terdapat calon yang siap tugasannya tetapi tidak jaya atau tidak siap dan tidak jaya.

**PRESTASI TERPERINCI****Soalan 1**

Soalan ini menguji kemahiran calon dalam merombak, menservis dan melakukan ujian elektrik pada komponen penting motor penghidup. Seterusnya memasang semula komponen dan menguji kendalian motor penghidup berkenaan. Prestasi calon adalah

sederhana kerana tiada masalah dalam merombak motor penghidup tetapi terdapat sebilangan calon yang lemah dalam ujian elektrik motor penghidup. Sebagai contoh, calon teragak-agak atau tidak pasti semasa ujian elektrik dijalankan seperti pada komponen plat hujung dan suis solenoid motor penghidup.

## **Soalan 2**

Soalan ini menguji kemahiran calon dalam melakukan ujian tekanan, bentuk semburan dan lelehan keatas pemancit, menanggal pam pemancit, melakukan timbang masa limpah pam pemancit dan menghidupkan enjin diesel mengikut spesifikasi. Prestasi calon pada keseluruhannya adalah baik dan dapat menunjukkan tahap kemahiran yang ditetapkan seperti di dalam peraturan permakahan. Namun begitu masih terdapat sebilangan kecil calon yang lemah dalam ujian pemancit seperti ujian lelehan dan ujian timbang masa limpah pam pemancit enjin diesel.

## **SARANAN KEPADA CALON**

Untuk meningkatkan prestasi calon dalam mata pelajaran ini, berikut adalah beberapa perkara yang perlu dititikberatkan di masa hadapan.

1. Teknik memahami soalan perlu diambil perhatian melalui soalan yang lepas.
2. Calon perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam menjalankan tugas semasa latihan dan peperiksaan.
3. Calon perlu dilatih bekerja mengikut prosedur yang betul dan langkah kerja mesti mengikut turutan yang tepat.
4. Latih tubi yang berterusan secara individu sebelum peperiksaan, ini dapat meyakinkan diri mereka agar mereka tidak teragak-agak semasa berhadapan di hari peperiksaan.
5. Memastikan calon cukup mahir dalam sesuatu kemahiran dan mahir menggunakan alat-alat pengujian atau alat tangan.
6. Calon perlu diberi kefahaman tentang aspek kelancaran kerja yang berkesan.
7. Calon diingatkan jangan mengabaikan aspek kebersihan dan keselamatan semasa bekerja khususnya semasa peperiksaan.
8. Aspek SIAP dan JAYA perlu difahami dengan jelas agar calon tidak mengabaikannya kerana ia memberi kesan yang ketara kepada markah calon.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Pastikan kemahiran guru benar-benar tepat dan sah semasa proses pengajaran agar calon tidak menjadi mangsa kesalahan akibat dari pengajaran yang salah oleh guru.
2. Pastikan persediaan bahan di bengkel tepat dan betul serta cukup mengikut bilangan calon dan mengikut keperluan persediaan bahan seperti yang disenaraikan oleh Lembaga Peperiksaan.

3. Guru perlu mengenalpasti pelajarnya yang bermasalah tentang kehadiran calon dalam latihan amali bengkel agar tidak timbul masalah di hari peperiksaan.
4. Guru perlu memberi peluang secukupnya kepada calon untuk latihan secara individu dan berterusan untuk memantapkan kemahiran diri calon.
5. Sekolah perlu mengadakan ujian pra-percubaan untuk menilai kebolehan calon sebelum peperiksaan.